

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/2/JLD12 (63)
Tarikh: 1 November 2014

KENYATAAN AKHBAR

KEMPEN JOM BAYAR LESEN 2015

Bermula pada 3 November 2014 hingga 31 Disember 2014, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan mengadakan Kempen Jom Bayar Lesen 2015. Aktiviti ini merupakan usaha dan langkah bijak pihak Majlis untuk mengurangkan kesesakan di kaunter ibu pejabat pada waktu puncak terutamanya.

Di samping itu, Kempen Jom Bayar Lesen ini juga di harap dapat menggalakkan dan memberi kemudahan kepada orang awam untuk hadir ke lokasi pilihan yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka.

Sebagai makluman, bagi proses pembaharuan lesen ini, Majlis akan mengadakan 30 kaunter bergerak dan lokasi-lokasi pilihan adalah seperti berikut:

BIL	TEMPAT	TARIKH	HARI
1	AmCorp Mall	3, 4 & 5 NOV 2014	11 PAGI HINGGA 6 PETANG
2	One Utama	11, 12 & 13 NOV 2014	11 PAGI HINGGA 6 PETANG
3	The Curve	14 & 15 NOV 2014	11 PAGI HINGGA 6 PETANG
4	Sunway Giza	18, 19 & 20 NOV 2014	11 PAGI HINGGA 6 PETANG
5	Paradigm Mall	25 & 26 NOV 2012	11 PAGI HINGGA 6 PETANG
6	Giant Kelana Jaya	4 & 5 DIS 2014	11 PAGI HINGGA 6 PETANG
7	Jaya One Kompleks, Seksyen 14	9 & 10 DIS 2014	11 PAGI HINGGA 6 PETANG
8	Citta Mall	18 DIS 2014	11 PAGI HINGGA 3 PETANG
9	Pasar Malam SS2/60, SS2/61	3 NOV 2014	4 PETANG HINGGA 9.00 MALAM
10	Pasar Malam Medan 9	5 NOV 2014	4 PETANG HINGGA 9.00 MALAM
11	Pasar Pagi Sek. 17/27	8 NOV 2014	8 PAGI HINGGA 12 TENGAHARI
12	Pasar Malam Taman Sri Manja	11 NOV 2014	4 PETANG HINGGA 9.00 MALAM
13	Pasar Malam SS2/6, SS2/10	13 NOV 2014	4 PETANG HINGGA 9.00 MALAM
14	Pasar Awam PJ Oldtown	16 NOV 2014	8 PAGI HINGGA 12 TENGAHARI
15	Pasar Malam SS 3/29	19 NOV 2014	4 PETANG HINGGA 9.00 MALAM

16	Pasar Awam Sek. 14	22 NOV 2014	8 PAGI HINGGA 12 TENGAHARI
17	Pasar Malam SS 8, Sungai Way	24 NOV 2014	4 PETANG HINGGA 9.00 MALAM
18	Pasar Malam Taman Dato' Harun	27 NOV 2014	4 PETANG HINGGA 9.00 MALAM
19	Pasar Pagi SS 2	30 NOV 2014	8 PAGI HINGGA 12 TENGAHARI
20	Pasar Malam Kelana Jaya	3 DIS 2014	4 PETANG HINGGA 9.00 MALAM
21	Pasar Malam Damansara Damai	5 DIS 2014	4 PETANG HINGGA 9.00 MALAM
22	Gerai Selera Impian	6 DIS 2014	8 PAGI HINGGA 12 TENGAHARI
23	Pasar Malam TSB 9, Kota Damansara	9 DIS 2014	4 PETANG HINGGA 9.00 MALAM
24	Selera Jaya 223	14 DIS 2014	8 PAGI HINGGA 12 TENGAHARI
25	Pasar Malam Kg. Kayu Ara	18 DIS 2014	4 PETANG HINGGA 9.00 MALAM
26	Petak AIM PPR Sek. 8 Kota Damansara	20 DIS 2014	8 PAGI HINGGA 12 TENGAHARI
27	Pasar Malam Kg. Lindungan	22 DIS 2014	4 PETANG HINGGA 9.00 MALAM
28	Gerai Selera Impian Sek.7 Kota Damansara	27 DIS 2014	8 PAGI HINGGA 12 TENGAHARI
29	Gerai Damansara Jaya SS22/23	28 DIS 2014	8 PAGI HINGGA 12 TENGAHARI
30	Pasar Malam Mentari PJS8	31 DIS 2014	4 PETANG HINGGA 9.00 MALAM

Pada tahun 2015, sebanyak 60,585 lesen akan diperbaharui dan pencahan-pecahan lesen adalah seperti berikut:

BIL	JENIS LESEN	JUMLAH
1	Tred Dan Perniagaan	21,117
2	Iklan	20,032
3	Iklan Luaran	220
4	Hiburan	209
5	Anjing	9,412
6	Penjajan	9,495
7	Hotel	42
8	Cyber cafe	58
JUMLAH		60,585

Mana-mana pemegang lesen yang gagal memperbaharui lesen sebelum atau pada 31 Disember 2014 boleh dikenakan denda atau pembatalan lesen.

Diharapkan dengan adanya hebahan ini akan melancarkan segala urusan dan perancangan yang telah dirancang. Semoga dengan adanya perkhidmatan kaunter bergerak Jom Bayar Lesen ini dapat memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk berurusan.

Sehubungan dengan itu, mohon jasa baik pihak media untuk membuat hebahan kepada orang ramai, kerjasama tuan/puan amatlah dihargai dan di dahului dengan ucapan terima kasih.

Disediakan oleh:

Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695